



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2004

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM DAN PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mewujudkan skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred X13, X16, X17/18, X20, X22, X24, X26 dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Gred X1, X2, X4, X6, X8, X10, X12 dan melaksanakan urusan pertukaran pelantikan selaras dengan keputusan kerajaan mewujudkan skim-skim perkhidmatan baru tersebut dalam Klasifikasi Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim (X).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya diwujudkan satu pasukan penguatkuasaan maritim yang bersepadu yang dinamakan **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia** dan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Agensi baru ini antara lain dipertanggungjawabkan skop dan fungsi penguatkuasaan undang-undang dan peraturan maritim, ketenteraman laut, mencari dan menyelamatkan, menghalang dan membentaras kesalahan, membantu di dalam kawalan dan pencemaran di kawasan maritim, pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pelantar dan sokongan (*platform and support services*) kepada mana-mana agensi berkaitan.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

3. Mengambil kira skop fungsi tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia itu, maka kerajaan telah bersetuju mewujudkan skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang tetap. Langkah ini diharap dapat memantapkan lagi pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara.

4. Skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru adalah seperti di [Lampiran A1](#) dan [A2](#), contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di [Lampiran B1](#), [B2](#) dan [B3](#), penghuraian skop tugas adalah seperti di [Lampiran C1](#) dan [C2](#) dan Jadual Gaji Matriks (JGM) adalah seperti di [Lampiran D](#).

PELAKSANAAN

5. Semua pegawai skim-skim perkhidmatan di jabatan/agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru mengikut gred-gred seperti berikut:-

5.1 Skim Perkhidmatan Polis dan Tentera

(a) Bagi pegawai dalam skim-skim perkhidmatan polis dan tentera, pertukaran pelantikan adalah dari gred/pangkat ke gred/pangkat yang setaraf:-

(i) Laksamana Pertama Gred Z28, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I Gred YY26 dan Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II Gred YY24 ke Laksamana Pertama Maritim Gred X26;

- (ii) Kepten Gred Z26 dan Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22 ke Kepten Maritim Gred X24;
- (iii) Komander Gred Z24 dan Penguasa Polis Gred YY20 ke Komander Maritim Gred X22;
- (iv) Leftenan Komander Gred Z22 dan Timbalan Penguasa Polis Gred YY18 ke Leftenan Komander Maritim Gred X20;
- (v) Leftenan Gred Z19/Z20 dan Penolong Penguasa Polis Gred YY15/YY16 ke Leftenan Maritim Gred X17/X18;
- (vi) Leftenan Madya Gred Z17/Z18 dan Ketua Inspektor Gred YY14 ke Leftenan Madya Maritim Gred X16;
- (vii) Leftenan Muda Gred Z15 dan Inspektor Gred YY11 ke Leftenan Muda Maritim Gred X13;
- (viii) Pegawai Waran I Gred Z14 dan Sub-Inspektor Gred YY10 ke Pegawai Waran I Maritim Gred X12;
- (ix) Pegawai Waran II Gred Z12 dan Sarjan Mejar Gred YY8 ke Pegawai Waran II Maritim Gred X10;
- (x) Bintara Kanan Gred Z10 ke Bintara Kanan Maritim Gred X8;
- (xi) Bintara Muda Gred Z8 dan Sarjan Gred YY6 ke Bintara Muda Maritim Gred X6;
- (xii) Laskar Kanan Gred Z6 dan Koperal Gred YY4 ke Laskar Kanan Maritim Gred X4;

- (xiii) Laskar Kelas I Gred Z4 dan Lans Koperal Gred YY2 ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2;
- (xiv) Laskar Kelas II Gred Z1 dan Konstabel Gred YY1 berke Layakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1; dan
- (xv) Laskar Kelas II Gred Z1 dan Konstabel Gred YY1 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1 setelah memenuhi syarat berkhidmat 6 tahun bagi pegawai berke Layakan PMR atau setaraf dan 15 tahun bagi yang berke Layakan Darjah 6.

5.2 Skim Perkhidmatan Awam Am Persekutuan

- (a) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan ijazah, pertukaran pelantikan adalah:-
 - (i) pegawai awam Gred 54 ke Laksamana Pertama Maritim Gred X26;
 - (ii) pegawai awam Gred 48 atau 52 ke Kepten Maritim Gred X24;
 - (iii) pegawai awam Gred 44 ke Komander Maritim Gred X22; dan
 - (iv) pegawai awam Gred 41 ke Leftenan Maritim Gred X17, manakala pegawai awam yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T13 atau P2T12 atau P3T11 dan telah

berkhidmat tidak kurang 8 tahun ke Leftenan Komander Maritim Gred X20.

(b) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan STPM/diploma, pertukaran pelantikan adalah:-

(i) pegawai awam Gred 32, 36 dan 38 ke Leftenan Madya Maritim Gred X16; dan

(ii) pegawai awam Gred 27 dan 29 ke Leftenan Muda Maritim Gred X13.

(c) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan SPM, pertukaran pelantikan adalah:-

(i) pegawai awam Gred 26 ke Pegawai Waran I Maritim Gred X12;

(ii) pegawai awam Gred 22 ke Pegawai Waran II Maritim Gred X10;

(iii) pegawai awam Gred 18 ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1, manakala pegawai awam yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T9 atau P2T7 dan telah berkhidmat tidak kurang 8 tahun ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2; dan

(iv) pegawai awam Gred 17 ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1, manakala pegawai awam yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T9 atau P2T8 atau P3T7 dan telah berkhidmat tidak kurang 8 tahun ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2.

- (d) Bagi pegawai awam dalam skim perkhidmatan berasaskan kelayakan PMR dan ke bawah, pertukaran pelantikan adalah:-
- (i) pegawai awam Gred 4, 12 dan 14 ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1;
 - (ii) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 berkelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1; dan
 - (iii) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Laskar Kelas II Maritim Gred X1 setelah memenuhi syarat berkhidmat 6 tahun bagi pegawai awam berkelayakan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, dan 15 tahun bagi yang berkelayakan Darjah 6.

6. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

7. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan yang terlibat dengan fungsi tugas penguatkuasaan maritim di agensi sedia ada.

PEMBERIAN OPSYEN

8. Dengan terlaksananya skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru ini, Pihak Berkuasa Melantik

melalui ketua perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat di jabatan/agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred X13, X16, X17/18, X20, X22, X24, X26 dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Gred X1, X2, X4, X6, X8, X10, X12. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan sedia ada.

10. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan yang sedang berkhidmat di agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta telah memilih Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai yang menjalankan tugas-tugas di agensi yang fungsi tugasnya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang berada dalam keadaan berikut:-

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara; dan
- (b) sedang bercuti.

12. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah

tamat.

13. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan dokumen yang berkaitan adalah seperti di [Lampiran E1, E2, E3, E4, E5 dan E6](#).

14. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/kontrak/sambilan.

15. Pegawai yang sedang berkhidmat di agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia iaitu pegawai awam Gred 1, 3, 11, Laskar Kelas II Gred Z1 dan Konstabel Gred YY1 yang berkelulusan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya yang belum memenuhi syarat berkhidmat genap enam (6) tahun dan pegawai yang berkelulusan Darjah 6 yang belum memenuhi syarat berkhidmat genap 15 tahun hendaklah diberi opsyen dengan menggunakan borang opsyen khas seperti di [Lampiran F1, F2 dan F3](#).

KAEDAH PELARASAN GAJI

Pegawai Penguat Kuasa Maritim

16. Kaedah pelarasan gaji bagi pertukaran pelantikan pegawai daripada Kumpulan Sokongan berkelayakan STPM/diploma dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang sedang berkhidmat di agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ke skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang baru ditetapkan seperti berikut:-

- (a) pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1);

- (b) pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) Laksamana Pertama Gred Z28, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I Gred YY26 dan pegawai awam Gred 54 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X26 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (d) Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II Gred YY24 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Gred X26 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (e) pegawai awam Gred 52 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) di gred jawatan asal yang mana jumlahnya tidak kurang satu pergerakan gaji biasa. Gajinya dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada sehingga layak dinaikkan pangkat ke Laksamana Pertama Maritim Gred X26;
- (f) Kepten Gred Z26, Penolong Pesuruhjaya Polis Gred YY22 dan pegawai awam Gred 48 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X24 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak

kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (g) Komander Gred Z24, Penguasa Polis Gred YY20 dan pegawai awam Gred 44 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X22 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (h) Leftenan Komander Gred Z22 dan Timbalan Penguasa Polis Gred YY18 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X20 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (i) Pegawai awam Gred 41 yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T13 atau P2T12 atau P3T11 dan telah berkhidmat tidak kurang lapan tahun yang ditukar lantik ke Leftenan Komander Maritim Gred X20 ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal mengikut kaedah-kaedah berikut:-
 - (i) pegawai awam yang berada di Peringkat 1 (P1) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

dan

- (ii) pegawai awam yang berada di Peringkat 2 (P2) dan Peringkat 3 (P3) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 2 (P2) jawatan baru.

- (j) Leftenan Gred Z19/Z20, Penolong Penguasa Polis Gred YY15/YY16 dan pegawai awam Gred 41 yang berada di matagaji P1T12 atau P2T11 atau P3T10 ke bawah yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X17/X18 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (k) Leftenan Gred Z19, Penolong Penguasa Polis Gred YY15 dan pegawai awam Gred 41 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1(P1) Gred X17;

- (l) pegawai awam Gred 36 dan 38 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) di gred jawatan asal yang mana jumlahnya tidak kurang satu pergerakan gaji biasa. Gajinya dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada sehingga layak dinaikkan pangkat ke Leftenan Maritim Gred X18;

- (m) Leftenan Madya Gred Z18, Ketua Inspektor Gred YY14 dan pegawai awam Gred 32 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X16 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan

yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (n) Leftenan Madya Gred Z17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X16 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal mengikut kaedah-kaedah berikut:-
 - (i) pegawai yang berada di Peringkat 1 (P1) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
 - (ii) pegawai yang berada di Peringkat 2 (P2) dan Peringkat 3 (P3) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 2 (P2) jawatan baru.
- (o) Leftenan Madya Gred Z17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred X16;
- (p) Leftenan Muda Gred Z15, Inspektor Gred YY11, pegawai awam Gred 27 dan 29 yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X13 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (q) Leftenan Muda Gred Z15, Inspektor Gred YY11, pegawai awam Gred 27 dan

29 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1(P1) Gred X13; dan

- (r) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka gaji Khas Untuk Penyanggah (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim

17. Kaedah palarasan gaji bagi pertukaran pelantikan pegawai Kumpulan Sokongan berkeelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ke bawah daripada agensi-agensi yang fungsinya diambil alih oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ke skim perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru ditetapkan seperti berikut:-

- (a) Pegawai Waran I Gred Z14, Sub-Inspektor Gred YY10 dan pegawai awam Gred 26 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X12 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (b) Pegawai Waran II Gred Z12, Sarjan Mejar Gred YY8 dan pegawai awam Gred 22 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X10 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P)

berikutnya;

- (c) Bintara Kanan Gred Z10 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X8 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (d) Bintara Muda Gred Z8 dan Sarjan Gred YY6 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X6 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (e) Laskar Kanan Gred Z6 dan Koperal Gred YY4 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X4 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (f) Laskar Kelas I Gred Z4 dan Lans Koperal Gred YY2 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X2 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (g) pegawai awam Gred 17 yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji

P1T9 atau P2T8 atau P3T7 atau pegawai awam Gred 18 yang telah berada sekurang-kurangnya di matagaji P1T9 atau P2T7 dan telah berkhidmat tidak kurang 8 tahun, yang ditukar lantik ke Laskar Kelas I Maritim Gred X2 ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal mengikut kaedah-kaedah berikut:-

- (i) pegawai awam yang berada di Peringkat 1 (P1) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
 - (ii) pegawai awam yang berada di Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) ditawarkan ke matagaji di Peringkat 2 (P2) jawatan baru.
- (h) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1 dan pegawai awam Gred 17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Gred X1 mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (i) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1 dan pegawai awam Gred 17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred X1;
 - (j) pegawai awam Gred 4, 12 dan 14 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi

berhampiran di Peringkat 1 (P1) Laskar Kelas II Maritim Gred X1 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (k) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1, pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat genap 6 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Laskar Kelas II Maritim Gred X1 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (l) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan Darjah 6 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat genap 15 tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) Laskar Kelas II Maritim Gred X1 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (m) Laskar Kelas II Gred Z1, Konstabel Gred YY1, pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum genap 6 tahun perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Laskar Kelas II Maritim Gred X1 sehari selepas

memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap enam tahun perkhidmatan;

- (n) pegawai awam Gred 1, 3 dan 11 yang berkelayakan Darjah 6 dan belum genap 15 tahun perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Laskar Kelas II Maritim Gred X1 sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap lima belas tahun perkhidmatan; dan
- (o) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

18. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Julai 2005 dan 1 Oktober 2005 hendaklah diberi di jawatan asal pada 1 Julai 2005 sebelum diselaraskan ke jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat kelayakan atau tempoh perkhidmatan yang ditetapkan di perenggan 17(m) dan (n) di atas. Contoh pelarasan gaji bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di [Lampiran G1, G2, G3, G4, G5, G6, G7, G8 dan G9](#).

TARIKH PERGERAKAN GAJI

19. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Julai tahun berikutnya. TPG bagi pegawai yang belum layak untuk ditukar lantik ke gred yang ditetapkan adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya

selepas pegawai tersebut layak ditukar lantik. TPG baru ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

20. Peruntukan elaun dan kemudahan bagi perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditetapkan seperti berikut:-

(a) **Imbuan Tetap Khidmat Maritim**

Imbuan Tetap Khidmat Maritim ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)
Komander Maritim	450.00
Leftenan Komander Maritim	195.00
Leftenan Maritim	170.00
Leftenan Madya Maritim	115.00
Leftenan Muda Maritim	115.00
Pegawai Waran I Maritim	80.00

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)
Pegawai Waran II Maritim	80.00
Bintara Kanan Maritim	80.00
Bintara Muda Maritim	80.00
Laskar Kanan Maritim	80.00
Laskar Kelas I Maritim	80.00
Laskar Kelas II Maritim	80.00

(b) **Imbuhan Tetap Keraian**

Imbuhan Tetap Keraian ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)
Laksamana Pertama Maritim	800.00
Kepten Maritim	550.00

(c) **Imbuhan Tetap Perumahan**

Imbuhan Tetap Perumahan ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)		
	Semenanjung	Sarawak	Sabah/ Labuan
Laksamana Pertama Maritim	900.00	900.00	900.00
Kepten Maritim	700.00	700.00	800.00

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)		
	Semenanjung	Sarawak	Sabah/ Labuan
Komander Maritim	575.00	575.00	700.00
Leftenan Komander Maritim	500.00	500.00	700.00
Leftenan Maritim	450.00	475.00	600.00
Leftenan Madya Maritim	420.00	450.00	580.00
Leftenan Muda Maritim	420.00	450.00	580.00
Pegawai Waran I Maritim	300.00	360.00	480.00
Pegawai Waran II Maritim	300.00	360.00	480.00
Bintara Kanan Maritim	275.00	330.00	435.00
Bintara Muda Maritim	275.00	330.00	435.00
Laskar Kanan Maritim	230.00	250.00	335.00
Laskar Kelas I Maritim	230.00	250.00	335.00
Laskar Kelas II Maritim	230.00	250.00	335.00

(d) **Elaun Lain**

- (i) Pegawai dalam perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia layak dibayar Elaun Dan Kemudahan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi, Elaun Dan Kemudahan Kerana Bertukar Dan Berpindah serta Elaun Dan Kemudahan Kerana Berkursus berdasarkan pangkat. Syarat kelayakan dan kadar ditetapkan oleh Perbendaharaan.

- (ii) Pegawai yang memilih terima tawaran opsyen perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan terus menjalankan tugas yang telah sedia dibayar elaun di agensi asal, boleh dibayar elaun berkenaan sekiranya menepati syarat kelayakan yang ditetapkan.
- (iii) Pegawai yang memilih terima tawaran opsyen perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia tidak dibayar Bayaran Lebih Masa, Bayaran Insentif Khas PDRM, Elaun Perjalanan Dari Tempat Kediaman Ke Tempat Bertugas, Bayaran Insentif Pencegah dan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.
- (e) **Kemudahan**
- (i) Kadar Cuti Rehat bagi pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditetapkan berdasarkan pangkat seperti berikut:-

Pangkat	Perkhidmatan	
	Kurang 10 Tahun	Genap 10 Tahun
Laksamana Pertama Maritim hingga Leftenan Maritim	30 hari	35 hari
Leftenan Madya Maritim hingga Pegawai Waran I Maritim	25 hari	30 hari
Pegawai Waran II Maritim hingga Laskar Kelas II Maritim	20 hari	25 hari

- (ii) Kelayakan dan kadar bayaran wad bagi pegawai perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditetapkan seperti berikut:-

Pangkat	Kelayakan Wad	Bayaran Wad Sehari (RM)
Laksamana Pertama Maritim hingga Komander Maritim	Kelas I Bilik Seorang	10.00
Leftenan Komander Maritim hingga Leftenan Maritim	Kelas I Bilik Berdua	8.00
Leftenan Madya Maritim hingga Pegawai Waran II Maritim	Kelas I Bilik Bertiga atau lebih	6.00
Bintara Kanan Maritim hingga Laskar Kelas II Maritim	Kelas 2	Percuma

- (iii) Pegawai dalam perkhidmatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia terus layak menerima kemudahan lain yang diperuntukkan dalam perkhidmatan awam berdasarkan syarat yang ditetapkan.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

21. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

- (a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat. Penjelasan yang terperinci mengenai opsyen ini kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat hendaklah diberi. Contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen adalah seperti di [Lampiran E1, E2, E3, E4, E5 dan E6](#);
- (ii) menyampaikan opsyen khas kepada pegawai yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang baru dengan menggunakan borang opsyen khas. Contoh surat tawaran opsyen khas, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen khas adalah seperti di [Lampiran F1, F2 dan F3](#);
- (iii) mengemas kini kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;

- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

TARIKH KUAT KUASA

22. Skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2005**.

PEMAKAIAN

23. Peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini hanya untuk kegunaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaannya.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Disember 2004

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Ketua Turus Angkatan Tentera

Ketua Polis Negara

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Audit Negara